



Telefon : 03-8870 8000 / 03-8870 8019

Faks : 03-8870 8004

Portal : <http://www.maqis.gov.my>

Ruj kami : MAQIS.800-1/1/15(26)
Tarikh : 11 Jun 2024

**SEMUA PENGARAH MAQIS NEGERI
SEMUA KETUA PINTU MASUK MAQIS**

Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PENGGUNAAN SLIP PEMERIKSAAN PEMATUHAN KELUARAN
PERTANIAN (PENGGREDAN, PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN) BAGI
PENGIMPORTAN DI PINTU MASUK**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan telah melaksanakan Slip Pemeriksaan Pematuhan Keluaran Pertanian (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan) atau dikenali Slip Pemeriksaan 3P untuk pemeriksaan fizikal dilaksanakan sebelum Sijil Perakuan Pematuhan Keluaran Pertanian (COC) [Peraturan 3P GPL] boleh diluluskan. Slip pemeriksaan 3P dijana melalui sistem e-Sijil 3P sebagai keperluan dokumen rujukan untuk pengikraran pengimportan bagi tujuan pemeriksaan pematuhan yang dilaksanakan sebelum Sijil Perakuan Pematuhan Keluaran Pertanian (COC) boleh diluluskan. Sila pastikan bahawa Perakuan 3P GPL diluluskan hanya untuk pengimportan keluaran pertanian yang mematuhi keperluan peraturan FAMA 3P sahaja.

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan adalah dipohon untuk memaklumkan kepada semua pegawai di bawah seliaan masing-masing dan memantau pelaksanaan dengan sebaiknya. Untuk makluman pihak tuan/puan penggunaan slip pemeriksaan ini akan mula **berkuatkuasa mulai 1 Julai 2024**. Bersama-sama surat ini disertakan notis pemakluman untuk disampaikan kepada pihak pemegang taruh (pengimport dan ejen).

Ruj kami : MAQIS.800-1/1/15(26)
Tarikh : 11 Jun 2024

4. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

"PENGUATKUASAAN BERINTEGRITI"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN)

s.k

- i. Timbalan Ketua Pengarah MAQIS
- ii. Semua Pengarah Bahagian dan Ketua Unit Ibu Pejabat MAQIS



Jabatan Perkhidmatan Kuarantin & Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

NOTIS PEMAKLUMAN

Tarikh : 11 Jun 2024

SEMUA EJEN/ PENGIMPORT DAN SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/ Puan

NOTIS PEMAKLUMAN PENGGUNAAN SLIP PEMERIKSAAN PEMATUHAN KELUARAN PERTANIAN (PENGGREDAN, PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN) ATAU DIKENALI SEBAGAI SLIP PEMERIKSAAN 3P BAGI PENGIMPORTAN KELUARAN PERTANIAN DI PINTU MASUK

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan telah melaksanakan pengeluaran Slip Pemeriksaan Pematuhan Keluaran Pertanian (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan) [Slip Pemeriksaan 3P] bagi pengimportan keluaran pertanian (sayur segar, buah-buahan segar, keratan bunga segar, kacang tanah, kelapa, biji kopi, dan tebu) di bawah kawalan FAMA yang telah tersedia di dalam Sistem e-Sijil 3P. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan **dimohon untuk mencetak Slip Pemeriksaan 3P** yang boleh dijana melalui sistem e-Sijil 3P sebagai dokumen keperluan untuk pengikrar pengimportan keluaran pertanian bagi tujuan pemeriksaan pematuhan yang bakal dilaksanakan sebelum Sijil Perakuan Pematuhan Keluaran Pertanian (COC) boleh diluluskan selaras dengan Akta 728. Pihak tuan/puan boleh menguji cuba slip Pemeriksaan ini sebelum tempoh penguatkuasaan dilaksanakan. Untuk makluman pihak tuan/puan tarikh **berkuatkuasa penggunaan Slip Pemeriksaan Pematuhan Keluaran Pertanian (3P) bermula 1 Julai 2024**.

Sekian dimaklumkan, Terima kasih

Arahan:

Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)